

# Dua lelaki dipenjara enam bulan kerana cuba curi kabel gentian optik milik TM

**KUCHING:** Dua lelaki masing-masing dijatuhi hukuman penjara enam bulan di Mahkamah Majistret di sini semalam kerana cuba mencuri kabel gentian optik milik Telekom Malaysia (TM).

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali menjatuhkan hukuman itu terhadap Senawi Abang dan Martin Stahlmann selepas mereka mengaku bersalah terhadap Seksyen 379 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 dan Seksyen 511 Kanun Sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Senawi, Martin dan seorang lagi yang masih bebas melakukan kesalahan itu di tepi jalan Lorong 10, Taman Desa Wira di Batu Kawa di sini kira-kira jam 12 tengah hari pada 4 November

2024.

Berdasarkan fakta kes, sebaik tiba untuk membaiki kabel gentian optik di sepanjang alamat tersebut, seorang pekerja TM (pengadu) dan pasukannya menyedari dua lelaki (Senawi dan Martin) berada di dalam lubang dan cuba mencuri kabel gentian optik dan seterusnya menahan mereka.

Bagaimanapun, sementara menunggu ketibaan polis bantuan, sebuah kereta yang dipercayai dipandu rakan sejenayah tiba-tiba datang.

Beberapa lelaki keluar dari kenderaan itu, salah seorang daripadanya membawa parang menyebabkan pengadu dan rakan sekerjanya melarikan diri dari tempat kejadian dan terus ke balai polis untuk membuat laporan bagi siasatan lanjut.

Bertindak atas laporan itu, polis akhirnya menahan

Senawi dan Martin pada hari berikutnya.

Siasatan mendapati kecurian kabel itu didalangi oleh Martin yang menghubungi Senawi dan seorang lagi lelaki yang masih bebas untuk melakukan jenayah itu.

Apabila mereka ditangkap, Martin menghubungi rakan-rakannya untuk meminta pertolongan untuk melarikan diri daripada pekerja TM selepas aktiviti mereka terbongkar.

Hasil sesi kawad cam juga positif dengan pengadu dan saksi lain dapat mengenal pasti Senawi dan Martin terlibat dalam cubaan mencuri kabel milik TM.

Pekerja TM bagaimanapun tidak dapat mengenal pasti rakan sejenayah kedua-duanya.

Pendakwaan kes oleh ASP Arman Ibrahim manakala Senawi dan Martin tidak diwakili peguam.